



**PEKELILING  
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 11/1976**

*Jumlah Cukai Dalam Sesuatu Surat Hakmilik*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk mensihat Pendaftar-pendaftar Hakmilik Tanah dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah berkenaan dengan penulisan (jumlah cukai) yang perlu dibuat di ruangan cukai dalam sesuatu surat hakmilik.

2. Perlu diperhatikan bahawa jumlah cukai yang kena dibayar bagi mana-mana tanah milik adalah dikira mengikut seksyen 96 Kanun Tanah Negara dan untuk tujuan ini hanya satu jumlah sahaja perlu ditulis di ruangan cukai sebagaimana yang disediakan di dalam borang hakmilik yang berkenaan. Jika Pihak Berkuasa Negeri atau Pihak Berkuasa lain yang memberi kelulusan memutuskan bahawa cukai sebenar yang perlu dikenakan bagi sesuatu tanah milik hanya perlu dibayar selepas luputnya sesuatu tempoh, keputusan itu hendaklah dilaksanakan dengan memasukkan jumlah cukai sebenar itu ke dalam surat hakmilik tanah itu dan pungutan cukai itu kemudiannya adalah tertakluk kepada pengurangan cukai yang diberi tiap-tiap tahun dalam tempoh itu. Adalah tidak betul dituliskan misalnya kenyataan berikut di ruangan cukai dalam sesuatu surat hakmilik:

"\$1.50 seekar setahun bagi 6 tahun yang pertama dan  
\$6.00 seekar setahun selepasnya."

3. Amalan sekarang di mana cukai sesuatu tanah dinaikkan misalnya, selepas 6 tahun adalah tidak menurut peruntukan sesuatu undang-undang; dengan yang demikian apa jua tindakan yang diambil untuk meminda cukai yang telah dituliskan di dalam mana-mana surat hakmilik itu adalah tidak sah. Dengan itu, peraturan yang dinyatakan di atas perlulah diikuti.

4. Dalam mana-mana surat hakmilik yang mengandungi kenyataan seperti di perenggan 2 di atas, pembetulan hendaklah dibuat dengan menggunakan kuasa-kuasa di bawah seksyen 380 Kanun Tanah Negara.

5. Pendaftar-pendaftar Hakmilik Tanah dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini dinasihatkan supaya membetulkan penulisan cukai dalam mana-mana daftar seperti contoh yang dinyatakan di perenggan 2 di atas dengan memotong perkataan-perkataan tersebut dan menggantikannya dengan jumlah cukai sebenarnya yang dikira mengikut seksyen 96 Kanun

Tanah Negara. Penulisan dalam rekod besar atau buku daftar cukai atau lain-lain buku rekod untuk pungutan cukai hendaklah dibetulkan sewajarnya. Tiap-tiap tahun keputusan rasmi dari Pihak Berkuasa Negeri ke atas pengurangan cukai perlulah diperolehi bagi tiap-tiap tanah yang terlibat dan keputusan-keputusan itu hendaklah difailkan untuk rujukan.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,  
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian*  
*Persekutuan*

P.T.TM 75/69 Bab 1

Kuala Lumpur,  
Julai, 1976